

KEUSAHAWANAN MELAYU PADA SUKU AKHIR ABAD KE-18: BERDASARKAN KOLEKSI SURAT-MENYURAT FRANCIS LIGHT

Ibrahim Ahmad*

Abstrak

Artikel ini akan mengkaji kegiatan keusahawanan orang Melayu di sekitar suku akhir abad ke-18 di Tanah Melayu. Keusahawanan merupakan bidang strategik yang sentiasa mendapat perhatian dari semasa ke semasa tanpa mengira bangsa. Kedatangan kuasa-kuasa Barat mulai abad ke-16 menyebabkan taraf keusahawanan Melayu semakin menurun dan lama-kelamaan kegiatan ini menjadi terasing dalam kalangan masyarakat Melayu menjelang awal abad ke-19. Sehubungan itu, Koleksi Surat-surat Francis Light akan menjadi sumber utama dalam meneliti situasi tersebut. Hal ini disebabkan kebanyakan isi kandungan koleksi surat-surat ini masih banyak memperihalkan hal ehwal perdagangan orang Melayu seperti golongan yang terlibat, perjawatan, barang dagangan, dan sistem perniagaan yang digunakan semasa menjalankan urusan jual beli. Beberapa pucuk surat antara sultan, pembesar, dan peniaga persendirian dengan Francis Light yang menjadi 'Gurnadur' di Pulau Pinang pada masa itu akan diteliti untuk mengetahui pelbagai aspek keusahawanan pada masa itu. Antaranya ialah surat daripada Sultan Kedah, Saudagar Raja Kedah, Sultan Ibrahim Selangor, pembesar Batu Bahara, Sumatera dan surat peniaga persendirian yang dihantar kepada Francis Light. Tuntasnya, koleksi ini merupakan sumber sejarah bertulis yang penting dalam usaha mengenali kegiatan keusahawanan Melayu sebelum jatuhnya beberapa buah negeri Melayu ke tangan penjajah British.

Kata kunci: *Keusahawanan, Melayu, Koleksi Surat-menyurat Francis Light, perdagangan, barangan, sistem jual beli*

Abstract

This study examines Malay entrepreneurial activities in the Malay Peninsula during the late eighteenth century, a period marked by significant transformation in the region's economic landscape. Although entrepreneurship had long been an integral feature of Malay society, the

* Ibrahim Ahmad ialah Pensyarah Kanan *Universiti Kuala Lumpur Royal College of Medicine Perak* (UniKL RCMP).

arrival of Western colonial powers from the sixteenth century onwards gradually diminished the prominence of Malay traders. By the early nineteenth century, entrepreneurial activity had become increasingly marginalised within Malay communities. Drawing primarily on the Francis Light Letter Collection, this research analyses correspondence that documents various aspects of Malay commerce, including the individuals involved, traded commodities, administrative roles, and the business systems employed in commercial transactions. Letters exchanged between Malay rulers, nobles, and private traders and Francis Light, then Governor of Penang, provide valuable insights into the dynamics of trade and enterprise during this period. The findings highlight the significance of this collection as a key written historical source for understanding the structure, scope, and evolution of Malay entrepreneurship prior to the consolidation of British colonial rule.

Keywords: *Entrepreneurship, Malays, Francis Light Correspondence Collection, trade, commodities, business system*

Pengenalan

Secara umum, agak sukar untuk mengenali siapa usahawan Melayu yang sebenar. Jika diteliti hikayat-hikayat Melayu lama seperti Sejarah Melayu, Bustanus Salatin, Hikayat Aceh dan Misa Melayu tidak pernah menyebut istilah usahawan Melayu, bahkan tidak wujud juga istilah saudagar Melayu melainkan yang dicatatkan ialah orang Melayu yang mempunyai kapal dan nakhoda Melayu.¹ Hal ini agak berbeza jika berdasarkan catatan Cina, Portugis, Belanda Inggeris dan yang mencatatkan bahawa memang wujud kelompok usahawan Melayu yang terdiri daripada para golongan bangsawan dan pembesar termasuk raja atau sultan. Misalnya J. Crawfurd pernah mencatatkan bahawa orang Melayu merupakan antara puak utama yang menjalankan kegiatan perdagangan atau perniagaan secara besar-besaran di Kepulauan Melayu.² Sementara St. Jean Baptiste, pegawai sebuah kapal Perancis juga pernah melaporkan ketika mereka singgah selama empat hari di Terengganu pada Ogos 1769, sultan ialah usahawan utama dalam kegiatan perdagangan.³ Walau bagaimanapun golongan ini tidak menjalankan kegiatan perdagangannya secara ‘terang-terangan’ kerana menganggap kegiatan ini mengaibkan. Justeru, mereka akan menggunakan proksi bagi menjalankan kegiatan ini bagi pihak mereka, misalnya Saudagar Raja, nakhoda kapal atau kiwi.⁴ Sekalipun tidak dinyatakan secara jelas kelompok yang bergelar usahawan, namun berdasarkan kegiatan jual

-
- 1 Ahmad Jelani Halimi, 2006, *Perdagangan dan Perkapalan Melayu di Melaka*, Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur, hal. 100.
 - 2 Crawfurd, J., 1820, *History of The Indian Archipelago, Vol. III*, Edinburgh: Archibald Constable, hal. 148.
 - 3 Dalam Ahmad Jelani Halimi, *op. cit.*, hal. 104.
 - 4 Dalam Undang-undang Laut Melaka, kiwi ialah pedagang yang belayar dalam kapal dan mempunyai saham atau kongsi kargo yang dibawanya. Lihat Reid, A., 1993, *Southeast Asia in The Age of Commerce, 1450-1680, Vol. 2*, New Haven: Yale University Press, hal. 50.

beli yang dijalankan mereka adalah terdiri daripada golongan raja atau bangsawan, pembesar dan rakyat jelata.

Berdasarkan keterlibatan golongan tersebut ternyata keusahawanan merupakan bidang strategik yang sentiasa mendapat perhatian dari semasa ke semasa tanpa mengira bangsa dan kedudukan. Dalam konteks Alam Melayu, keusahawanan yang melibatkan kegiatan perdagangan atau urusan jual beli bukanlah suatu perkara yang terasing tetapi telah sebatih dengan darah daging orang-orang Melayu khususnya golongan bangsawan dan pembesar. Akan tetapi, kegiatan keusahawanan ini mulai malap setelah kedatangan kuasa-kuasa asing khususnya dari Barat yang bertindak memonopoli kegiatan ini di perairan Melayu. Kedatangan kuasa-kuasa Barat sejak awal abad ke-16 menyebabkan taraf keusahawanan Melayu semakin menurun dan lama-kelamaan kegiatan ini menjadi terasing dalam kalangan masyarakat Melayu menjelang awal abad ke-19. Antara saat-saat akhir ‘nyawa keusahawanan Melayu’ adalah ketika penguasaan pihak Inggeris di Pulau Pinang pada tahun 1786, iaitu ketika Francis Light menjadi Gurnadur di Pulau Mutiara ini.

Menerusi koleksi surat-surat yang dihantar atau diterima oleh Francis Light pelabuhan Pulau Pinang merupakan tumpuan utama usahawan Melayu pada ketika itu. Malahan pada waktu itu, sikap monopoli pihak Belanda menyebabkan para usahawan Melayu beralih ke pelabuhan bebas Pulau Pinang yang dikuasai oleh Francis Light. Melalui isi kandungan Koleksi Surat-surat Francis Light ini memperihalkan hal ehwal perdagangan orang Melayu seperti golongan yang terlibat, perjawatan, barang dagangan, dan sistem perniagaan yang digunapakai semasa menjalankan urusan jual beli. Antaranya termasuklah beberapa pucuk surat-menyurat antara sultan, pembesar, dan peniaga persendirian dengan Francis Light yang menjadi ‘Gurnadur’ di Pulau Pinang sekaligus menunjukkan bahawa aspek keusahawanan masih wujud dalam diri orang Melayu pada masa itu. Sebagai contoh surat daripada Sultan Kedah, Saudagar Raja Kedah, Sultan Ibrahim Selangor, pembesar Batu Bahara, Sumatera dan surat peniaga persendirian yang dihantar kepada Francis Light.

Kegiatan Perdagangan Usahawan Melayu

Secara umum orang Melayu yang menghuni alam Melayu adalah beragama Islam. Hal ini menyedarkan mereka betapa besarnya faedah jika menceburi bidang keusahawanan khususnya dalam bidang perniagaan yang sangat digalakan dalam ajaran Islam. Kewujudan Hukum Kanun Melaka, Undang-undang Laut Melaka, dan beberapa perundangan Melayu yang lain membuktikan kegiatan perniagaan adalah sumber rezeki masyarakat Melayu sebelum penguasaan kuasa-kuasa asing di rantau ini. Sekalipun Islam mengiktiraf bekerja di bawah orang lain merupakan pekerjaan yang baik, namun bekerja sendiri tetap merupakan pilihan terbaik. Hal ini dibuktikan melalui sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud;

“Daripada Rafi’ bin Hadij, bahawa Rasulullah s.a.w. ditanya mengenai apakah pekerjaan yang paling baik, baginda menjawab, ‘kerja seseorang dengan tangannya sendiri dan perniagaan yang diberkati.’”⁵

5 Musnad Ahmad, Kitab Musnad al Syamayn, Bab Hadis Rafi’ bin Hadij RA, no. 16628.

Pembukaan pelabuhan Pulau Pinang oleh Francis Light pada tahun 1786 memberi implikasi besar terhadap kegiatan perdagangan di Selat Melaka. Francis Light berjaya menarik ramai usahawan Melayu berkunjung ke pelabuhan Pulau Pinang dan akhirnya pelabuhan itu mengalami kepesatan perdagangan serta berlaku pertambahan penduduk dalam masa yang agak singkat. Kini, pelabuhan Pulau Pinang bukan sahaja muncul sebagai pusat pengumpulan hasil barangan dari Kepulauan Melayu malah menjadi penting bagi kegiatan perdagangan antara British dengan China. Demi menjamin kedudukan pelabuhan ini, Francis Light mengakui beberapa perkara perlu diberi perhatian iaitu,

... untuk memaksa pedagang menghantar komoditi mereka ke sini daripada memberi keutamaan kepada pasaran yang biasanya lama, haruslah diberi daya tarikan yang kuat, antaranya kebebasan pelabuhan, jaminan keselamatan pada harta benda, tempat menyimpan barang-barang (gudang), kebebasan berniaga dan layanan baik.⁶

Kebanyakan pengkaji menganggap usahawan Melayu sebagai pedagang runcit atau *paddler*. Namun begitu, agak sukar untuk menerima pandangan ini kerana terdapatnya perdagangan komenda yang diajalkan oleh pedagang-pedagang Melayu yang terdiri daripada golongan bangsawan dan pembesar negeri. Bahkan, kebanyakan mereka membeli barangan dalam jumlah yang banyak secara borong dan kemudiannya mendagangkannya ke pelabuhan lain di sekitar Selat Melaka. Dalam hal ini, adalah sesuatu yang mustahil mereka dianggap sebagai pedagang runcit pada hal saudagar raja dan para nakhoda menjual atau membeli serta memuatkan barangan itu menggunakan perahu-perahu yang besar.

Raja-raja Melayu merupakan golongan utama yang terlibat sebagai usahawan dalam kegiatan perniagaan dengan Francis Light di Pulau Pinang. Hal ini boleh dibuktikan melalui surat-menyurat sama ada yang dikirim kepada Francis Light mahu pun diterima daripada Francis Light. Antara raja-raja di Semenanjung Tanah Melayu yang banyak mengirim surat berkaitan perniagaan kepada Francis Light ialah Sultan Kedah dan Sultan Selangor.⁷

Suatu perkara yang agak istimewa di Kedah ialah urusan perniagaan ‘diwakilkan’ kepada Saudagar Raja.⁸ Hal ini boleh diteliti melalui sepucuk surat bertarikh 27 Rejab oleh Sultan Abdullah Mukarram Shah Kedah kepada Francis Light iaitu,

Al-Mustahaqqah

Surat tulus ikhlas berkasih-kasihan daripada beta sampai kepada sahabat beta Gurnador Pulau Pinang yang arif lagi bijaksana, telah masyhur ke mana-mana. Kemudian daripada itu, barang tahu sahabat beta, maka adalah beta suruh Saudagar Raja perniagakan berniagaan beta. Maka kehadiran ini, jika barang jenis dagangan yang jadi guna perkenan pada Saudagar Raja, jika ia beri pergi surat akan sahabat barang dagangan dipintanya itu, sahabat beta beri mari dengan harga serupa, boleh dijual hantar pergi harganya itu pada sahabat beta.

Demikian lagi barang kehendak sahabat beta yang berguna di sini daripada beras dan

6 Surat Kapten Francis Light kepada Gabenor Janeral India, Lord Cornwallis, 20 Jun 1788. Dipetik daripada Wurtzburg, 1938, hal. 115.

7 Semua surat daripada raja Melayu mempunyai cop rasmi negeri.

8 Keterangan lanjut berkaitan Saudagar Raja lihat Ahmad Jelani Halimi, 2006, *Perdagangan dan Perkapalan Melayu di Selat Melaka*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hal. hal.101-105.

lembu dan barang makanan, sahabat beta beri mari surat, boleh dibicaranya cahari beri. Tatkala berkira-kira sahabat beta dengan Saudagar Raja, jika tinggal baki lagi arta sahabat beta pada Saudagar Raja, boleh beta tolong bayar akan sahabat beta.⁹

Bagi menjamin 'kualiti urusan perdagangan', terdapat juga surat yang dikirim bagi memaklumkan sesuatu barangan yang telah diterima. Sebagai contoh, surat makluman Sultan Abdullah Mukarram Shah kepada Francis Light yang bertarikh 15 Muharram bagi memaklumkan baginda telah pun menerima belerang dan timah yang dibawa oleh Mister Beekan (Becon).

... Bahawa akan surat sahabat beta beri mari dibawa Mister Beekan serta belerang lima bahara dua puluh kati itu sudahlah sampai pada beta. Maka sudah beta suruh timbang terima ambil beratnya lima bahara dulapan belas kati.

Maka tersebut dalam surat sahabat beta itu fasal hutang **Seri Maharaja Dewa** pada sahabat beta, lama sudah tiada ia bayar. Itu pun sudah beta nyatakan pada Seri Maharaja Dewa suruh himpun rial hantar pergi pada sahabat beta selesaikan dengan segera.

Demikian lagi akan timah dibawa orang dari Kuala Muda itu, sahabat beta pinta beli singgah, ada timah beta suruh ambil dari Kuala Muda, ada tiga empat puluh bahara. Maka timah itu dahulu daripada surat sahabat beta ini sudah dibeli Saudagar Mirangkandu, katanya dengan surat Nasruddin dan Kapitan Kallas beri mari dari Terengganu, pinta saudagar ini cari beli timah. Maka akan surat ini beta hendak beri pada Mister Beekan tiada berdan. Itulah beta suruh hantar pada sahabat beta.¹⁰

Di samping itu, pihak Francis Light juga mendapatkan kayu daripada pihak Kedah. Berkemungkinan besar, kayu-kayu yang kemudiannya dijadikan papan-papan ini akan digunakan untuk membaiki kapal-kapal atau perahu-perahu yang berlabuh di pelabuhan Pulau Pinang. Hal ini bertepatan dengan tujuan asal pengambilan Pulau Pinang oleh pihak British iaitu sebagai loji membaiki kapal perang. Sebagai contoh surat bertarikh 16 Ramadan yang membuat pesanan membeli kayu Merbau,

... Maka akan papan Merbau sahabat beta kehendak dua keping, panjang enam hasta, tebal lima jari, maka tiada tentu lebarnya. Jika papan yang kecil kurang lebar, sekarang pun boleh beta beri pergi. Jika yang lebar ditentukan sekian-sekian itu, boleh beta suruh pergi tetak. Inilah beta nyatakan pada sahabat beta.¹¹

Selain barangan keperluan harian, urusan perniagaan juga melibatkan jual beli alat senjata. Hal ini boleh diteliti melalui sepucuk surat yang dikirim oleh Sultan Abdullah kepada Francis Light bertarikh 18 Februari 1788 yang ingin membeli ubat bedil. Malahan, melalui surat ini juga, baginda berusaha melakukan tawar-menawar harga barangan yang dipesan dapat dikurangkan. Mengikut surat itu,

9 *Light Letters* MS40320/10

10 *Ibid.*

11 *Light Letters* MS40320/10 folio 62. Lihat juga *Light Letters* MS40320/10 folio 47 berkenaan tujuan asal Pulau Pinang sebagai loji membaiki kapal perang.

Al-Mustahaqqah

Surat kasih sayang tulus dan ikhlas daripada beta sampai kepada sahabat beta Gurnador Pulau Pinang.

Ahwal surat sahabat beta beri mari pada Saudagar Sulaiman itu sudahlah sampai kepada beta. Tersebut dalamnya sahabat beta beri mari pada Saudagar Sulaiman opium empat peti tentu dengan harganya dan ubat bedil macam satu tong tiada tersebut harganya dan senapang macam sepucuk. Maka opium dengan ubat bedil itu sudah sampai beta suruh beta suruh terima. Maka akan senapang macam sepucuk itu tiada sampai kepada beta.

Dan akan hadiah sahabat beta beri mari kain baldi dua gulung, dalam itu merah satu dan hijau satu sudah sampai, beta terima ambil suka hati dan lagi hadiah sahabat beta kain bugis hitam halus dua helai diberi pada Nakhoda Panjang Aceh, itu pun sudah sampai kepada beta.

Maka akan kaki dian kecil besar tiga puluh enam dan cermin besar sepasang dan cermin kecil tiga pasang, maka harganya sahabat beta sebutkan dalam surat sahabat beta, kaki dian tiga puluh enam itu tujuh puluh dulapan rial tiga suku dan cermin besar sepasang itu enam puluh tengah tiga rial dan cermin kecil tiga pasang itu seratus tengah tiga belas rial, jadi banyak harga kaki dian dengan cermin itu dua ratus lima puluh tiga rial tiga suku.

Itulah kalau boleh dengan bicara sahabat beta, minta kurangkan harga cermin dengan kaki dian itu. Maka kaki dian itu bukannya tembaga putih asal. Itulah minta sahabat beta bicarakan kurangkan harganya atas sepatutnya. Ahwal itulah beta nyatakan kepada sahabat beta.¹²

Selain itu, terdapat juga surat-surat cit daripada Francis Light sebagai butiran barangan yang dikirim telah sampai kepada beliau.¹³ Sebagai contoh, surat cit Francis Light kepada Saudagar Raja di Kedah bertarikh 21 April 1787 berkaitan urusan penjualan lembu. Mengikut surat itu;

... Ahwal lembu jantan dua ekor dan betina dulapan ekor dibawa Nakhoda Parsat itu sudah beta terima ambil. Ahwal inilah beta nyatakan.¹⁴

Begitulah juga dengan surat penerima beras yang bertarikh pada 2 likur bulan Rejab, iaitu;

... Ahwal akan beras dibawa Nakhoda Sibit itu sudahlah beta sukat, terima ambil banyaknya tiga koyan tiga ratus sembilan gantang dan padi empat koyan dua ratus lima belas gantang dan ayam seratus ekor. Ahwal inilah beta nyatakan.¹⁵

Barangan yang diniagakan dan berdasarkan surat-surat cit ialah beras, lembu, papan Cina, rotan, ayam dan telur ayam. Misalnya, surat cit bertarikh 19 Jamadil Akhir;

Surat tulus ikhlas daripada Gurnador Pulau Pinang sampai kepada sahabat beta,

12 *Light Letters* MS40320/10 folio 37.

13 Surat cit hanya diumpai dalam urusan jual beli di Kedah sahaja. Dikatakan "surat cit" kerana perkataan cit memang ditulis dalam surat itu dan perkataan ini berasal daripada perkataan Inggeris yang bermaksud nota.

14 *Light Letters* MS 440320/3

15 *Ibid.*

Saudagar Raja. Ahwal beras sahabat beta beri mari dibawa Marican itu sudahlah beta terima ambil, banyaknya seribu dua ratus gantang, dan ayam enam puuh ekor, dan telur ayam tiga ratus, dan papan Cina tiga belas keping. Ahwal inilah beta nyatakan.¹⁶

Ketika awal pembukaan pelabuhan Pulau Pinang, tidak wujud sebarang hubungan perdagangan antara Selangor dengan Pulau Pinang walaupun pada ketika itu Kuala Selangor (Selangor) telah menjadi pelabuhan persinggahan utama kapal-kapal Inggeris khususnya kumpulan *country traders* Inggeris seperti Kapten James Scott, Thomas Forrest, Kapten Glass dan Kapten Francis Light. Walau bagaimanapun, semasa Francis Light menjadi Penguasa Pulau Pinang pada tahun 1786 dan Selangor pula pada ketika itu diperintah oleh Sultan Ibrahim ibn Sultan Salehud'ddin Syah (1782-1826),¹⁷ hubungan antara kedua-dua buah negeri mula wujud. Bahkan, berdasarkan Koleksi Surat-menyurat Francis Light boleh dikatakan hubungan perdagangan antara kedua-dua negeri ini agak aktif. Walaupun tidak semua surat tertera cop rasmi Sultan Ibrahim, namun dalam tempoh ini terdapat lebih kurang 46 pucuk surat telah dikirim oleh Sultan Ibrahim kepada Francis Light di Pulau Pinang.

Seperti juga di Kedah, kelompok usahawan di Selangor masih lagi dimonopoli oleh golongan bangsawan dan pembesar tempatan khususnya golongan nakhoda yang menjadi wakil sultan. Hal ini boleh diteliti melalui beberapa pucuk surat yang baginda kirim kepada Francis Light bagi memesan pelbagai jenis barangan komoditi seperti timah, lada hitam, beras, lilin dan rotan. Selain itu, Sultan Selangor juga mengutus Surat untuk membeli alatan senjata, alat tukang besi, kain, dan opium (candu).¹⁸ Kebanyakan barangan yang dipesan adalah dalam jumlah yang banyak, sekaligus membuktikan ianya bertujuan perniagaan. Misalnya pembelian besi dalam kuantiti yang agak banyak melalui surat Sultan Selangor kepada Francis Light bertarikh 14 Sya'aban 1202 Hijrah;

"... Waba'du kemudian daripada itu maka adalah sahabat kita menyuruhkan Kapitan Ladburn datang kepada kita mintak timah sekarang sudahlah kita bicarakan timah itu sedikit2, sebagai lagi kita pinta bicarakan kepada saabat kita besi lantai barang dua puluh pikul dan besi lantai yang empat persegi sepuluh pikul dan yang lain lagi kunci peti barang lima biji dan lagi besi baja barang sepikul, melainkan Kapitan Ladburn itu jugalah sahabat kita suruhkan ia kembali ke Selangor membawa besi2 itu serta bolehlah kita bicarakan pulak timah barang berapa dapatnya, sebagai lagi seperti mana seperti yang kita pesankan dahulu seperti bom dan meriam dan perkakas2 yang lain2 atau adaka atau tiada.....".¹⁹

Selain itu, terdapat juga beberapa barangan yang dikirim dari Selangor kepada Francis Light di Pulau Pinang untuk diniagakan. Antaranya ialah garam dan tembakau jawa. Hal ini boleh diteliti melalui surat Sultan Ibrahim bertarikh 18 Zulkaedah/ 2 September 1788. Mengikut surat ini,

16 *Ibid.*

17 Sultan Ibrahim ialah pemerintah kedua Selangor yang menggantikan ayahandanya Sultan Salehu'ddin (1766-1782).

18 Surat-surat ini dietakkan cop mohor baginda di sudut kanan bahagian atas surat. Kebanyakan surat ini menggunakan cop bertulis "Duli Yang Dipertuan Selangor", "Al Sultan Ibrahim", dan "Raja Selangor Badaruddin sanah 1177".

19 *Light Letters* MS 40320/5.

Bahawa ini surat tulus dan ikhlas serta putih hati yang amat hening dan jernih, iaitu daripada Duli Yang Dipertuan yang semayam di Bukit Selangor Yang Maha Mulia. Barang disampaikan Tuhan seru 'alam apalah kiranya datang kepada sahabat kita iaitu Senyur Gurnador Pulau Pinang yang amat setiawan dan artawan serta berkasih-kasih sahabat handai dan taulannya dan sangatlah masyhur warta yang ihsan kepada segala negeri di Barat dan di Timur itu. Dan kita pun sangatlah suka cita dalam fuad al-zakiyyah itu serta sihat dan afiat 'ala al-dawam, amin thumma amin, wa ba'du.

Kemudian daripada itu, barang takrif kiranya sahabat kita itu, adalah kita menyuruhkan sebuah sulab, nama nakhodanya nakhoda Romak ke Pulau Pinang, mendapatkan sahabat kita, serta ada membawa dagangan serba sedikit, ada garam sedikit dan tembakau jawa ada sedikit, melainkan kita serahkanlah kepada sahabat kita akan menolong membicarakan dagangan kita dibawanya oleh Nakhoda Romak itu.

Hendaklah sahabat kita sekali ini bersungguh-sungguh menolong bicarakan dagangannya, dan daripada barang suatu hal ahwal sakit dan sukarnya di Pulau Pinang itu serta suruhkan dengan segeranya Nakhoda Romak itu berbalik Selangor serta bicarakan muati beras barang berapa muatan sulab kita itu. Hubaya-hubaya jangan tiada Senyur Gurnador tolong daripada dagangan dibawanya surat beras muatan sulab itu.

Dan lagi adalah pencalang Syahbandar Selangor kita dengar ada di Pulau Pinang itu, yang dibawa Ismail itu, hendaklah sahabat kita suruhkan belayar ke Selangor dalam bulan Zulqaedah ini juga dengan segeranya. Serta muati juga beras barang semua pencalang itu, jangan tiada kerana kita di Selangor masa ini adalah kekurangan daripada makanan beras itu.

Maka inilah haraplah kita kepada sahabat kita bicarakan beras muatan sulab Nakhoda Romak itu serta pencalang Shahbandar Selangor itu bicarakan seboleh-bolehnya beras itu. Maka satu pun tiada tanda hayat surat suci hati kita kepada sahabat kita Senyur Gurnador itu, hanyalah gula batu satu kerajang tiada sepeertinya, tanda tulus ikhlas juga adanya.²⁰

Seperti juga Kedah, urusan perdagangan bukan sahaja melibatkan barangan keperluan harian seperti permaidani, bahan makanan malahan alatan keselamatan. Hal ini diperlukan demi menjamin kekuatan atau kesiapsiagaan tentera Selangor bagi menghadapi ancaman musuh. Perkara ini boleh diteliti melalui sepucuk surat daripada Sultan Selangor kepada Francis Light bertarikh 15 Rabiul Awwal 1201H/ 5 Januari 1787M yang bertujuan membeli besi, meriam, dan senapang. Menurut surat tersebut,

Sebagai lagi, kita pinta tolong seboleh-bolehnya kepada sahabat kita bicarakan beras barang berapa termuat perahu yang tiga buah itu. Dan lagi kita pinta bicarakan besi barang enam pikul dan lagi bom barang dua pasang atau sepasang dan lagi meriam penembak anggur barang dua pasang dan jikalau tiada sahabat kita jual sekalipun, melainkan kita pinjamah kepada sahabat kita, sebab negeri banyak susah, melainkan Nakhoda Sumbawa itulah membawanya ke Selangor seperti perkakas yang tersebut di dalam surat ini.

Sebagai lagi, jikalau sudah datang kapal perang dari Benggala, hendaklah sahabat kita berkirim surat kepada kita supaya boleh kita kumpulkan timah di dalam Selangor akan membayar harga meriam dan senapang mana yang kita pinta dahulu sekaliannya itu.²¹

Urusan mendapatkan pembelian alatan senjata oleh Selangor dikukuhkan lagi melalui sepucuk surat bertarikh 8 Julai 1787 yang turut memesan ubat bedil iaitu, Warkah al-ikhlas serta suci putih hati iaitu daripada hadrat Maulana Paduka Seri Sultan Ibrahim yang semayam di atas takhta singgahsana kerajaan di dalam bandar negeri Selangor Darul Khusus, barang disampaikan Tuhan seru alam apalah kiranya kepada sahabat kita Gabenor yang memerintahkan negeri Kota Pulau Pinang yang amat setiawan daripada melakukan antara sahabat bersahabat serta dengan mengasihi segala orang yang miskin dagang senteri yang pergi datang. Maka, masyhurlah warta ihsannya kepada tiap-tiap negeri yang lain, wa ba'du.

Kemudian daripada itu, adalah kita menyuruhkan Nakhoda Syawal itu dengan satu sampan serta ada timah sedikit-sedikit dibawanya mendapatkan sahabat kita. Akan hal seperti surat sahabat kita yang dibawa oleh Penghulu Jeram dahulu mengatakan boleh naik-naik sedikit harga timah, melainkan sekarang ini kita pinta tentukanlah kepada sahabat kita harga timah di dalam satu bahara empat puluh delapan ringgit, supaya bolehlah kita suruh hantarkan timah kepada sahabat kita kerana kita pun sudah (berbunyikan?) dengan Raja Perak, melainkan jikalau sudah tertentu oleh sahabat kita harga timah itu, mana yang kepada kita semuanya kita hantarkan ke Pulau Pinang.

Sebagai lagi, akan hal seperti meriam dengan senapang dan bom itu, jikalau tiada pun, hendaklah sahabat tentukan supaya kita ketahui. Jikalau kan ada pun, bolehlah kita suruh ambil kerana sahabat kita pun tahulah negeri orang banyak susah, supaya jangan kita ternanti-nanti.

Sebagai lagi, seperti duit itu, melainkan lagi sekali kita menyuruh, baharulah kita ambil. Sebagai lagi, kita pinta carikan permaidani buatan Surati yang lebar empat hasta atau tiga hasta barang sepuluh helai.

Sebagai lagi, seperti ubat (bedil?) itu yang kita pesankan dahulu. Jikalau sudah ada melainkan serahkanlah kepada tangan Nakhoda Syawal itu serta dengan permaidani itu sekali.²²

Di samping itu, aspek keusahawanan juga merangkumi aspek peminjaman modal oleh golongan pemerintah kepada pedagang-pedagang lain. Antaranya ialah sepucuk surat yang dikirim oleh pedagang Chulia kepada Sultan Kedah, Sultan Abdullah Mukarram Syah (1778-1798) untuk membuat pinjaman bagi dijadikan modal membeli kapal dan gajah untuk didagangkan di India.²³ Dalam hal ini, pedagang-pedagang itu berjanji akan membayar kembali pinjaman itu beserta dengan bunganya.²⁴ Bahkan surat antara Francis Light dengan Saudagar Raja Terengganu, iaitu Saudagar Nasaruddin mengukuhkan lagi bahawa riba atau pembayaran bunga merupakan amalan biasa pada masa itu. Antara lain surat itu mencatatkan,

21 *Light Letters* MS40320/11

22 *Light Letters* MS40320/4

23 Lihat Crawford, J., 1967, *History of Indian Archipelago*, London. Lihat juga Ahmad Jelani Halimi, hal. 52.

24 *Light Letters* MS40320/3

Sultan Abdullah Mukaram Syah (Kedah)

... maka akan hal hamba Dato' maklumkan ke hadrat Dato' daripada pekerjaan Kapitan Glass dengan hamba Dato' itu pintalah Dato' beri mari mari menghendaki harta Kapitan Glass yang dibawa ke Palembang tengah tiga laksa dan tinggal hutang selaksa maka perjanjian pada sebulan dua rial pada seratus... demikianlah yang tersebut di dalam daftar Kapitan Glass yang kepada Mister Glass hak hendaklah Saudagar Nasaruddin mari ke Pulau Pinang...²⁵

Seperti yang dijelaskan sebelum ini, kelompok usahawan bukan sahaja sahaja terhad di negeri-negeri Semenanjung Tanah Melayu sahaja, tetapi melangkui Selat Melaka. Hubungan usahawan Melayu dengan Pulau Pinang boleh diteliti melalui surat-menyurat yang dikirim oleh golongan pemerintah dan pembesar di sekitar Sumatera. Antaranya ialah surat Mahkota Indera Bongsu dan Mahkota Indera kepada Cik Long Juru Tulis tentang Belanda meminta timah. Transkripsi surat tersebut adalah seperti berikut;

Ya Aziz ya-Karim

Alhamdulillah rab al-'alamin, al-'aqibah lilmuttaqin, al-solat wa al-salam 'ala sayyidina muhammad, wa 'ala alihi wa sahbihi ajma'in. Selesailah daripada hamdu... iaitu salam doa serta beberapa-beberapa takzim daripadanya kekanda Ma[h]kota Indera Bongsu dan Mangkota Indera, barang disampaikan Allah Subhanatu Wa Taala apalah kiranya kehadiran adinda Cik Long juru tulis yang al-aziz al-karim hafala Allah taala dunia akhirat amin, thumma amin, wa ba'du. Kemudian dari itu, barang mafhumlah kiranya adinda sebab pun kakanda lambat datang mengadap Dato' Gurnador kerana Wolanda menghendaki timah ke bawah Duli Yang Dipertuan dan segala orang besar-besar, sebagai hari pun panas, dalam antara itu pun adalah sudah yang sampai larat timah itu dia hantar orang bergajah, adalah empat lima puluh bahara.²⁶

Pergi surat ini sembilan hari bulan Rejab hari Selasa, tamat kalam.

Selain itu, urusan keusahawan juga mengambil kira faktor keselamatan para pedagang atau peniaga yang berdagang di suatu tempat atau negeri. Demi menjamin keselamatan dan melicinkan urusan tersebut, para pemerintah atau pembesar sesebuah negeri akan bekerjasama dengan pelabuhan atau negeri yang dikunjungi pedagang-pedagangnya. Hal ini boleh diteliti apabila pembesar dari Batu, iaitu Datuk Batuah pernah mengirim surat kepada Francis Light memaklumkan keseamatan pedagang-pedagang dari Pulau Pinang yang berdagang di Batu Bara. Dalam hal ini, Datuk Batuah menulis,

Nur al-Shams wa al-Qamar

Bahawa ini surat tulus ikhlas daripada kita Datuk Batuah negeri Batu Bahara, barang disampaikan Tuhan Allah kiranya kepada sahabat kita Senyur Gurnador yang memerintah Pulau Pinang.

Barang tahulah kiranya sahabat kita Senyur Gurnador akan hal surat tulus ikhlas

25 Tafsiran penulis riba 2 %setiap 100 rial. Surat No. 10, MS 40320, dalam *Light Letters*, No. 20, Acheen, Langkat, Batu Bara.
 26 MS40320/1.

daripada sahabat kita yang dibawa oleh Kapitan Rabsa telah sampailah kepada kita dengan selamatnya, serta mengatakan minta peliharakan orang Senyur Gurnador pergi mari dari Pulau Pinang ke Batu Bahara. Maka sudahlah kita kerjakan seperti itu. Maka inilah kita suruhkan Kapitan Rabsa itu pulang ke Pulau Pinang. Suatu pun tiada huru-haranya dalam tangan kita akan hal seperti Senyur Gurnador menyuruhkan pergi mari dari Pulau Pinang ke Batu Bahara. Maka adalah kita orang Batu Bahara orang miskin, akan tetapi mana yang ada dalam Batu Bahara dagangan Senyur Gurnador kehendaki kita bicarakan, mana yang ada suatu pun tiada yang dipersyaratkan.

Dengan akhir kalam, hanyalah kirim tabik banyak-banyak serta tulus ikhlas daripada kita.

Perbuat surat pada dua puluh lima hari bulan Ramadhan, hari *Arba'*. Tamat.²⁷

Selain itu, terdapat juga usahawan Melayu dari Langkat yang berurusan dengan pelabuhan Pulau Pinang yang juga terdiri daripada golongan pemerintah Langkat. Urusan perdagangan Langkat ini melibatkan barang dagangan seperti kain, beras, timah, ubat bedil, pemuras dan kain. Berkaitan hal ini, Kejuruan Langkat pernah menigirim surat kepada Francis Light, iaitu;

Ya Qadiya al-Hajat

Salam doa serta takzim dan takrim iaitu daripada Tengku Kejuruan Jepur yang duduk dalam negeri Langkat, barang disampaikan Allah Subhanahu Wataala, apalah kiranya datang kepada sahabat kita Gurnador yang duduk dalam negeri Pulau Pinang yang beroleh pangkat dan darjat dan yang beroleh kebesaran dan kemegahan dalam dunia negeri Pulau Pinang, *amin thumma amma ba'du*.

Kemudian daripada itu, akan hal Tengku Kejuruan minta hutang ialah kepada sahabat kita (jika?) kasih sayang lagi kepada kita, pertama senapang barang sekodi dan ubat bedil barang lima tong dan timah barang sebahara dan pemuras barang lima pasang dan (sin-alif-kaf-alif-kaf-alif-ta/saka kata?) dua kayu dan (sin-nun-alif-dal-alif-wa-alif/senadawa?) barang dua bahara dan kain celupan barang sekodi dan kain putih asahan barang sekodi dan batu senapang yang putih barang enam ratus.

Satu pun tiada tanda hidup, hanyalah kiriman kita kepada sahabat kita orang dua orang dan lilin sapi gula dan kelapa seratus biji. Hubaya hubaya, jangan tiada haraplah kita kepada sahabat kita melainkan Nakhoda Mamat yang membawa surat ini ialah wakil mana yang tersebut dalam surat ini.²⁸

Sekalipun aspek keusahawanan meletakkan urusan jual beli dan keuntungan, namun jika diteliti dari sudut hubungan sosial, ia juga membawa kepada persahabatan sesama pemerintah. Hal ini agak jelas apabila pemerintah dari Palembang misalnya, Pangeran Adi Wijaya pernah mengirim surat kepada Francis Light di Pulau Pinang untuk bersahabat dan seterusnya menjalin hubungan perdagangan dengan pentadbir Inggeris di Pulau Pinang. Sepucuk surat yang ditulis oleh Pangeran Adi Wajiya menjelaskan;

27 MS40320/1, Surat Datuk Batuah Batu Bahara kepada Francis Light.

28 Ibid. Surat Tengku Kejuruan Jepur kepada Francis Light. Di belakang surat dicatatkan *from Lankatt 10 July 91*.

“... Kemudian daripada itu barang tahu kiranya sahabat kita. Maka adalah kita mendengar khabar akan sahabat kita. Di dalam hal yang demikian itu, maka berbangkitlah asyik sahabat kepada hati kita hendak bersahabat berkasih-kasihan dengan sahabat kita. Maka inilah kita menyuruhkan haji Suradipa mengikut Nakhoda Ahmad mendapatkan sahabat kita akan jadi ganti kita. Seolah-olah menyampaikan asyik mahabbah kita kepada sahabat kita dengan tiada suatu tanda daripada kita kepada sahabat kita. Hanyalah semambu sepasang seumpama tiada akan jadi barang-barang gunanya.

Kemudian daripada itu, jikalau sahabat kita suka mau bersuruhan ke Palembang membawa dagangan sedikit-sedikit barang yang patut hendaklah sahabat kita bersuruh sama-sama haji Suradipa. Serta beri surat kepada kita, boleh kita tolong pula daripada jual belinya di dalam negeri Palembang. Jikalau sahabat kita suka dengan timah atau lada nescaya boleh kita tolong belikan barang berapa yang mau kepada sahabat adanya.²⁹

Suatu aspek penting dalam keusahawanan ialah keupayaan menyediakan barangan yang diminta oleh pihak pembeli atau pengguna. Dalam erti kata lain, seseorang usahawan juga merupakan pihak pembekal kepada pihak lain. Antara barangan yang sering diminta ialah pinang, lada, lilin, dan padi. Dalam hal ini, Francis Light pernah mengirim surat kepada Tuanku Raja Pedir bagi mendapatkan keperluan tersebut. Misalnya dalam sepucuk surat bertarikh 29 Mac 1789 Francis Light menulis;

Wa al-Qamar wa al-Syams

Surat tulus ikhlas muafakat yang tiada berkesudahan selagi ada cakerawala matahari dan bulan, daripada beta Gurnador yang memerintahkan di kota bandar Pulau Pinang, barang disampaikan Tuhan Seru Alam apalah kiranya kepada pihak sahabat beta Tunku Raja Pedir, yang akil bijaksana, telah masyhur kepujian, gah sampai ke mana, wa ba'du.

Dari itu ahwal adalah beta menyuruh sebuah kici kapitan membawa dagangan serba sedikit. Minta sahabat beta terima ambil dagangan itu, serah beri pinang dan lada dan lilin dimuat dalam kici itu. Minta sahabat beta segerakan beri berlayar balik kici itu ke Pulau Pinang, supaya boleh cahari dagangan yang lain, mana patut laku di sana muat bawa pergi. Jangan jadi berputusan pergi mari antara sahabat beta dengan beta. Sebermula beta minta tolong beli padi barang dua ratus koyan atau mana bolehnya dihimpun taruh. Beta pinta dengan harga jualan di sana. Apabila sudah terhimpun, sahabat beta nyata mari, boleh beta beri pergi kapal, terima ambil bayar harganya. Dan lagi barang suatu hal ehwal sakit sukar kapitan ini boleh sahabat beta tolong khabarkan. Ahwal inilah beta takrifkan, izzah sahabat bertambah-tambah.

Perbuat surat pada dua hari timbul bulan Rejab, hari Ahad, sanah 1203 tahun-tahun ba. Tamat.³⁰

Di samping itu, Sultan-sultan dan pemerintah negeri- negeri Melayu merupakan pemiutang yang utama di negeri mereka. Dalam sepucuk surat kepada Sultan Kedah, iaitu

29 MS40320/1, Surat Pangeran Adi Wijaya Palembang kepada Peter di Pulau Pinang 6 Oktober 1787 Tersurat kepada empat likur haribulan Zul Hijjah kepada hari Ahad waktu jam pukul dua sanah 1201./ tentang hubungan persahabatan dengan Palembang.

30 MS40320/1 folio 34, Surat Francis Light Kepada Tunku Raja Pedir 29 Mac 1789.

Sultan Abdullah Mukarram Syah (1778-1798), beberapa orang Chulia telah memohon pinjaman wang untuk membeli sebuah kapal dan beberapa ekor gajah untuk didagangkan di India. Di samping itu, menurut J. Crawford, para pemerintah di negeri-negeri di Kepulauan Melayu dikatakan meminjamkan modal dengan mengenakan bunga.³¹

Kesimpulan

Tegasnya, dari aspek ekonomi keusahawan bukan sahaja menyumbang pendapatan kepada mereka yang terlibat malah bertindak sebagai pemangkin perubahan struktur sosial dan masyarakat. Kebolehan usahawan Melayu mengekalkan kegiatan perniagaan pada zaman penguasaan pihak British perlu dipuji walaupun terdapat strategi British melumpuhkan bidang ini daripada jiwa orang Melayu yang telah bertapak sebelum Kesultanan Melaka lagi. Walaupun menghadapi tekanan yang agak hebat daripada pihak Barat, usahawan Melayu tetap gigih meneruskan urusan perniagaan mereka hingga awal abad ke-19. Saingan terakhir terhadap mereka ialah apabila pihak kolonial memusnahkan akar umbi kekuatan usahawan Melayu sebenar iaitu para nakhoda dan raja-raja. Dengan pelbagai peraturan dan undang-undang yang diperkenalkan khususnya selepas Perjanjian Inggeris – Belanda 1824, mereka berjaya melumpuhkan dan memisahkan bidang ini daripada jiwa bangsa Melayu, apatah lagi kemunculan kapal wap di perairan Melayu turut melenyapkan perkapalan tradisi Melayu (alat pengangkutan). Tindakan pihak British memeterai beberapa perjanjian dengan dengan pemerintah tempatan sebahagian besarnya menghadkan kuasa dan pergerakan mereka termasuklah kegiatan berdagang. Yang tinggal hanyalah pedagang dan peniaga runcit yang bergerak di pasar-pasar di kawasan pedalaman.³²

31 Crawford, J., 1967, *History of Indian Archipelago*, London. Lihat juga Ahmad Jelani Halimi, hal. 52.
32 Ahmad Jelani Halimi, hal. 271.

Rujukan

- Ahmad Jelani Halimi, 2006, *Perdagangan dan Perkapalan Melayu di Selat Melaka Abad ke-15 hingga ke-18*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Crawfurd, J., 1967, *History of Indian Archipelago*. London: Edinburgh Frank Cass & Co.
- MS40320/1 folio 34, Surat Francis Light Kepada Tunku Raja Pedir 29 Mac 1789.
- MS40320/1 folio 11 Surat Tengku Kejuruan Jepur kepada Francis Light.
- MSS 2141, surat bertarikh 26 Zulhijjah 1313 bersamaan 9 Jun 1896.
- MS40320/1 folio 2, Surat Pangeran Adi Wijaya Palembang kepada Peter di Pulau Pinang 6 Oktober 1787 empat likur haribulan Zul Hijjah kepada hari Ahad waktu jam pukul dua sanah 1201.
- MS40320/1 folio 20, Surat Datuk Batuah Batu Bahara kepada Francis Light.
- MS40320/1 folio 40, Surat Mahkota Indera Bongsu dan Mahkota Indera kepada Cik Long Juru Tulis.
- Musnad Ahmad, *Kitab Musnad al Syamayn*, Bab Hadis Rafi' bin Hadij RA, no. 16628.
- Surat Kapten Francis Light kepada Gabenor Janeral India, Lord Cornwallis, 20 Jun 1788. Dipetik daripada Wurtzburg, 1938, hal. 115.